



Headline: Macau Scam membimbangkan
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 11 October 2018

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 17

Macau Scam membimbangkan

Sebanyak 750 kes
dicatatkan
melibatkan kerugian
sebanyak
RM39.268 juta

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Sindiket penipuan panggilan telefon atau 'Macau Scam' semakin membimbangkan apabila sebanyak 750 kes dicatatkan melibatkan kerugian sebanyak RM39.268 juta sejak bulan Januari hingga September tahun ini.

Difahamkan, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu dimana sebanyak 731 kes dicatatkan melibatkan kerugian RM21.596 juta untuk tempoh yang sama.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor, Asisten Komisioner Harjinder Kaur berkata walaupun pelbagai langkah pencegahan telah diambil oleh pihaknya sebelum ini, namun masih ramai lagi masyarakat yang diperdaya oleh modus operandi sindiket ini.

"Perkara ini amat membimbangkan kerana walaupun ada langkah pencegahan seperti hebahan melalui stesen televisyen, radio dan laman sosial namun masih ramai lagi masyarakat yang ditipu," katanya ketika sesi wawancara bersama media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor semalam.

Menyulas lanjut mengenai modus operandi penipuan itu, Harjinder berkata, sindiket berkenaan menggunakan taktik 'spoofing' bagi memperdayakan mangsa-mangsa mereka.

Beliau berkata, taktik spoofing



Harjinder ketika sesi wawancara bersama media, semalam.

digunakan oleh pihak berkenaan bagi membolehkan mereka berkomunikasi menggunakan platform Voice Over Internet Protocol (VoIP) bertujuan untuk menukar nombor pemanggil dengan sebarang nombor telefon agensi penguatkuasaan dan pihak perbankan.

"Apabila mereka menggunakan VoIP ini, mereka dapat memperdayakan dan meyakinkan mangsa bahawa panggilan itu dibuat oleh pihak berkuasa.

"Dan disebabkan inilah mangsa seringkali terpedaya dan ditipu oleh sindiket tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Warga emas jadi sasaran

Dalam pada itu, Harjinder memaklumkan bahawa sindiket ini seringkali menjadikan warga emas dan golongan peniaga sebagai sasaran berikutan mempunyai simpanan wang yang banyak.

Beliau berkata, kebanyakan mangsa mudah diperdaya berikutan terlalu takut setelah menerima panggilan kononnya daripada pihak berkuasa.

"Mangsa ini akan diugut di mana akaun mereka akan dibekukan di bawah perundangan dan disebabkan itu mereka terlalu takut dan membuat pemindahan wang

MODUS OPERANDI MACAU SCAM

- Menyamar sebagai pegawai bank/polis/Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Menghubungi mangsa melalui nombor telefon pihak berkuasa yang telah di 'spoof'
- Ada diantara sindiket yang sudah mempunyai pengkalan data maklumat mangsa
- Mangsa akan ditakutkan bahawa identiti mereka telah digunakan oleh penjenayah dan mereka perlu bertanggungjawab
- Mangsa juga akan disabitkan kononnya terlibat kes dadah dan sebagainya
- Suspek akan meminta maklumat bank dan jumlah wang simpanan mangsa
- Wang perlu dipindahkan ke akaun lain

ke akaun lain.

"Selain itu, sindiket ini juga turut mengugut mangsa untuk tidak mendedahkan perbualan mereka kepada pihak lain sekiranya tidak mahu didakwa," katanya.

Bagi membanteras sindiket ini, Harjinder berkata Polis Diraja

Mangsa kongsi pengalaman ditakutkan

SEORANG kerani terpaksa berputih mata selepas mengalami kerugian sebanyak RM71,700 selepas ditipu oleh sindiket Macau Scam.

Berkongsi pengalamannya, wanita berkenaan yang hanya ingin dikenali sebagai Hamidah, 58, memaklumkan bahawa dia telah dihubungi oleh seorang individu yang kononnya membuat panggilan tersebut dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

"Sewaktu terima panggilan itu, saya sangat terkejut apabila individu tersebut memaklumkan saya terlibat dengan dua kes iaitu penggelapan wang bernilai RM600,000 dan dadah.

"Saya menafikan terlibat dengan jenayah itu dan pihak berkenaan kemudiannya telah me-

nyambung panggilan itu kepada individu lain yang dikenali sebagai Sarjan Firdaus," katanya.

Menceritakan lebih lanjut, Hamidah berkata dia kemudiannya diarahkan untuk pergi ke lokasi sunyi dan tidak meletak panggilan telefon terbabit bagi memudahkan perbincangan mengenai kes itu.

"Saya panik dan pulang ke rumah tanpa mematkan panggilan itu dan selepas tiba, pihak berkenaan bertanyakan mengenai akaun dan meminta saya keluarkan duit.

"Akibat terlalu takut saya telah membuat pembayaran tersebut," katanya.

Susulan itu, Hamidah dan kakaknya terus ke IPK Selangor bagi mendapatkan maklumat mengenai perkara itu.



HAMIDAH

Malaysia (PDRM) mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan dalam dan luar negara bagi mengesan pergerakan pihak berkenaan.

Namun begitu, beliau berkata kesedaran masyarakat juga penting

bagi bersama-sama membantu pihak berkuasa dalam menangani sindiket ini.

"Nasihat saya, jika anda menerima panggilan daripada bank, polis atau agensi lain yang meminta butiran peribadi atau akaun, semak dengan pihak terlibat," katanya.